



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PRINSIP PENGURUSAN**  
**KOD KURSUS : DSM1013**  
**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian. BAHAGIAN A (60 MARKAH)  
BAHAGIAN B (40 MARKAH)
2. Sila rujuk arahan terperinci di dalam kertas soalan ini
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Senaraikan **dua (2)** fungsi pengurusan dalam organisasi. (2 markah)
- b. Apakah **tiga (3)** perbezaan tugas dan tanggungjawab pengurusan atasan dengan pengurusan bawahan? (6 markah)

**SOALAN 2**

- a. Nyatakan **tiga (3)** proses awal di dalam membuat keputusan. (3 markah)
- b. Jelaskan bagaimana syarikat membuat keputusan dalam keadaan berikut :
- i. Kepastian
  - ii. Berisiko
  - iii. Ketidakpastian
- (6 markah)

**SOALAN 3**

- a. Nyatakan **tiga (3)** konsep asas struktur organisasi. (3 markah)
- b. Jelaskan bentuk-bentuk penjabatan yang boleh diwujudkan dalam sesebuah organisasi. (8 markah)

**SOALAN 4**

- a. Senaraikan **enam (6)** proses asas dalam motivasi. (6 markah)
- b. Terangkan **dua (2)** ciri individu yang tergolong dalam teori X. (4 markah)

**SOALAN 5**

- a. Jelaskan Teori Grid Pengurusan dalam teori kepimpinan. (6 markah)
- b. Huraikan **dua (2)** kepentingan kepimpinan menurut kajian Katz dan Kahn. (4 markah)

**SOALAN 6**

- a. Jelaskan **dua (2)** teknik kawalan yang sering digunakan di dalam organisasi. (4 markah)
- b. Terangkan **empat (4)** kepentingan kawalan dalam sesebuah organisasi. (8 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

Dalam persekitaran organisasi yang sihat, kebiasaannya pengurus akan membuat perancangan pengurusan dalam jangka masa panjang atau pendek untuk mengurangkan pembaziran dan pertindanan kerja pada masa akan datang. Sesebuah perancangan akan menunjukkan tahap prestasi organisasi agar mampu dikembangkan lebih jauh.

- a. Berikan definisi perancangan. (2 markah)
  
- b. Terangkan **dua (2)** prinsip perancangan dari perspektif Islam (4 markah)
  
- c. Jelaskan **dua (2)** kaedah peramalan dalam asas perancangan yang biasa digunakan oleh syarikat di Malaysia. (4 markah)
  
- d. Anda adalah pegawai pentadbiran di syarikat Tan Tan Sdn. Bhd. dan ditugaskan untuk memberi penerangan berkaitan proses pengurusan melalui objektif. Huraikan berserta rajah yang sesuai untuk menerangkan proses tersebut. (10 markah)

**SOALAN 2**

Puan Zalifah ialah kakitangan di Syarikat Telekom Malaysia. Beliau ditugaskan untuk memberi arahan kepada pekerja di bahagian pengurusan sumber manusia berkaitan tentang pengurusan komunikasi yang berkesan kepada pelanggan Telekom Malaysia dalam memastikan para pelanggan berpuas hati dengan komunikasi serta memudahkan pelanggan menggunakan perkhidmatan dengan baik dan lancar.

- a. Senaraikan **dua (2)** perkara utama yang ditekankan oleh Stoner dalam komunikasi. (2 markah)
  
- b. Terangkan **dua (2)** jenis komunikasi di tempat kerja. (4 markah)
  
- c. Jelaskan **dua (2)** syarat komunikasi berkesan. (4 markah)
  
- d. Terangkan **empat (4)** bentuk komunikasi yang boleh digunakan oleh seorang pengurus dengan pekerja bawahannya. (10 markah)

**[40 MARKAH]****[100 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**